

## **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, YOKOGAWA KONTROL (M) SDN. BHD., SUN MICROSYSTEM SDN. BHD. DAN CYBERTOUCH SDN. BHD.**

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Datuk Seri Panglima Lajim Hj. Ukin, Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan, di atas kesudian beliau untuk bersama-sama kita menyaksikan perjanjian persefahaman pada pagi ini.

### **R&D di UMS**

Universiti sebagai sebuah gedung ilmu sentiasa mengamalkan dasar terbuka ke arah pembaharuan yang dinamik dan progresif. Ilmu yang diperolehi di universiti bukan sahaja melalui proses pengajaran dan pembelajaran di antara pensyarah dengan pelajar, tetapi juga melalui interaksi dan hubungan kerjasama dengan pihak luar. Kerjasama selalunya dijalinan dengan pihak-pihak yang telah dikenal pasti dapat membantu universiti dalam meningkatkan aktiviti-aktiviti khususnya yang melibatkan pembangunan R&D.

UMS mempunyai misi dan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang bertaraf antarabangsa. Sesuai dengan kedudukan strategik Sabah di kawasan BIMP-EAGA, secara tidak langsung UMS menjadi tumpuan ahli-ahli akademik dan para penyelidik negara jiran iaitu Brunei, Indonesia dan Filipina. Ini menjadi asas yang baik bagi UMS untuk menonjolkan diri di arena antarabangsa dalam pelbagai bidang yang diceburi.

Kampus Tetap UMS telah dipuji oleh pelbagai pihak sebagai salah sebuah kampus yang terindah di dunia. Kedudukannya di tepi laut menyebabkan UMS mempunyai pemandangan indah dan reka bentuk bangunan yang terancang dan teratur. Oleh itu, menjadi dasar UMS untuk mempunyai kemudahan makmal dan R&D yang terkini. Ini perlu untuk menghasilkan graduan-graduan yang mempunyai pendedahan maksimum dengan pelbagai latihan terkini.

### **Kerjasama**

Dengan itu, produk-produk UMS akan mempunyai nilai-nilai tambahan (*value added*). Ini akan memudahkan mereka bersaing di pasaran pekerjaan. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, UMS membuka pintu untuk bekerjasama dengan sektor awam dan swasta dengan mengamalkan konsep rakan kerja pintar (*smart partnership*). Diharapkan bentuk kerjasama seperti ini, situasi 'menang-menang' (*win-win situation*) akan menguntungkan semua pihak.

Menerusi dana yang akan diberikan oleh kerajaan, UMS akan mempunyai kelengkapan-kelengkapan termoden dan canggih. Ini bagi menghasilkan kerja-kerja R&D yang bermutu. Saya yakin, UMS mampu bersaing dengan institusi-institusi lain dan menjadi salah sebuah pusat kecemerlangan akademik. Dasar penubuhan UMS bukanlah untuk menjadikan universiti sebagai sebuah menara gading, sebaliknya untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia amnya, dan rakyat Sabah khususnya.

Di samping itu, UMS juga ingin mengadakan hubungan dua hala dengan pihak industri tempatan bagi memantapkan *output R&D* dan perundingan. Oleh itu, saya amat mengalu-alukan pihak industri yang berminat menjadikan UMS sebagai sebuah pusat inkubator mereka. Ini bagi memastikan sumber-sumber yang ada dapat dikongsi bersama dan seterusnya dapat membentuk Rakan Kerjasama Pintar (*Smart Partnership*).

Untuk memantapkan lagi input dari industri dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) telahpun melantik seorang Profesor Adjung yang merupakan seorang tokoh dalaman yang bergiat aktif dalam beberapa bidang industri di Malaysia. Beliau akan memainkan peranan sebagai pengerusi kepada Panel Penasihat Industri bagi SKTM.

### Peranan SKTM Dalam Bidang R&D

SKTM ditubuhkan pada tahun 1996. Penubuhannya adalah untuk memenuhi tuntutan terhadap keperluan negara yang sedang pesat membangun. Ini selaras dengan Wawasan 2020. Pengambilan pelajar pertama SKTM hanya seramai 70 orang bagi mengikuti tiga program, iaitu kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik dan sains komputer. Namun, pada sesi 1997/98, bilangan pelajar SKTM telah meningkat kepada 220 orang dan angka ini terus mencecah ke angka 292 orang bagi sesi pengambilan 1999/2000 ini. Sehingga kini, jumlah keseluruhan pelajar SKTM adalah seramai 746 orang.

Pada awal penubuhan SKTM, tenaga akademik yang ada hanya berjumlah empat orang. Sesuai dengan peningkatan bilangan pelajar, kini SKTM mempunyai seramai 19 orang dan 13 orang tutor. Dengan adanya para profesor dan pensyarah-pensyarah yang berkemahiran dalam bidang masing-masing, SKTM telah berkembang selaras dengan visi sekolah untuk cemerlang dalam bidang akademik, penyelidikan, perkhidmatan industri, dan sumbangan kemasyarakatan dengan memberi penekanan mengeluarkan graduan yang berkualiti serta mampu meneroka penyelidikan utama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat. Perkara ini terbukti dengan wujudnya pelbagai penyelidikan yang dijalankan dengan menggunakan geran universiti dan geran luar seperti *Intensification of Research Priority Area (IRPA)*.

Selain itu, SKTM juga mengadakan beberapa aktiviti ilmiah seperti Bengkel WEB dan Bengkel Kecerdikan Buatan (*Artificial Intelligent*). Bengkel ini tidak hanya melibatkan para ahli akademik, tetapi juga terbuka kepada kakitangan agensi luar yang berminat untuk menimba ilmu yang ditawarkan oleh universiti. Di UMS, aktiviti penerbitan juga merupakan satu kemestian kepada para ahli akademik. Hasil-hasil penerbitan adalah wadah berguna dan menjadi sumber rujukan pelbagai pihak, sama ada pelajar ataupun masyarakat umum. Ahli-ahli akademik SKTM tidak ketinggalan dalam menghasilkan beberapa artikel dalam jurnal di samping membentang beberapa kertas persidangan antarabangsa. Sempena Konvokesyen Pertama UMS yang lalu, SKTM telah berjaya menghasilkan Buletin SKTM. Ini menunjukkan SKTM telah memberi komitmen tinggi demi memajukan sekolah dan UMS umumnya.

Setelah tiga tahun penubuhannya, kini SKTM menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan kepujian dalam pengkhususan kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan kimia, sains komputer dan sistem pengurusan. Pihak SKTM menitikberatkan suasana pembelajaran yang memuaskan dengan menyediakan prasarana dan kemudahan terkini serta canggih terutamanya peralatan makmal agar pendedahan pelajar terhadap bidang yang diceburi dapat digarap semaksima mungkin.

Sukacita saya memaklumkan bahawa SKTM akan dapat menikmati bangunan barunya di Kampus Tetap UMS, apabila pembinaan dalam fasa kedua dijangka siap pada tahun 2000. Bangunan baru ini mempunyai keluasan lantai kira-kira 68,000 meter persegi dengan 250 buah bilik pensyarah dan 141 buah makmal.

Sebanyak 26 buah makmal untuk kejuruteraan elektrik dan elektronik, 31 buah makmal untuk teknologi maklumat, 24 buah makmal untuk kejuruteraan kimia, 28 buah makmal untuk kejuruteraan awam dan 32 buah makmal untuk kejuruteraan mekanikal akan didirikan. Buat masa sekarang, pihak SKTM sedang merancang melengkapkan makmal-makmal berkenaan dengan peralatan-peralatan terkini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan tahniah kepada pihak SKTM yang telah berjaya menghasilkan graduan sulungnya seramai 53 orang pada Konvokesyen Pertama UMS yang lalu. Kini, SKTM mengorak langkah mengadakan hubungan kerjasama dengan pihak luar seperti *MoU* yang akan ditandatangani pada hari ini. Semoga SKTM akan lebih maju, seterusnya menaikkan nama UMS ke mercu kecemerlangan. Terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Yokogawa Kontrol (M) Sdn. Bhd., Cybertouch Sdn. Bhd. dan Sun Microsystem Sdn. Bhd. di atas kepercayaan dan keprihatinan yang diberikan kepada UMS.

Saya tidak bercadang untuk bercakap lebih panjang, kerana saya dimaklumkan bahawa YB Datuk Seri Lajim mempunyai masa yang terhad untuk bersama-sama kita pada pagi ini. Oleh itu, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada YB kerana sudi hadir ke majlis ini. Terima kasih juga kepada rakan saya iaitu Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin, Naib Canselor UTM, serta syarikat-syarikat swasta di atas persetujuan untuk melaksanakan perjanjian persefahaman yang akan ditandatangani pada pagi ini.

---

***Ucapan di Majlis Memorandum Persefahaman diantara Universiti Malaysia Sabah dengan Universiti Teknologi Malaysia, Yokogawa Kontrol (M) Sdn. Bhd., Sun Microsystem Sdn. Bhd. dan Cybertouch Sdn. Bhd. di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS pada 29 September 1999.***